



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1990**

---

PINDAAN LINGKUNGAN GAJI BAGI PEMBAYARAN  
ELAUN WILAYAH DAN ELAUN PENEMPATAN KHAS

**1. TUJUAN**

1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk meminda lingkungan gaji bagi pembayaran Elaun Wilayah dan Elaun Penempatan Khas secara khas untuk penyandang.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Kerajaan telah melaksanakan pelarasan gaji bagi pekerja-pekerja dalam Kumpulan A, B, C dan D melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1986](#), [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1988](#). Berikutan dengan pelarasan gaji tersebut, didapati lingkungan gaji yang dipakai di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988](#) bagi maksud pembayaran Elaun Wilayah dan Elaun Penempatan Khas secara khas untuk penyandang tidak lagi

menggambarkan tanggagaji sebenar yang sedang diterima oleh seseorang pegawai pada masa ini. Oleh yang demikian lingkungan gaji berkenaan perlu dipinda dan diselaraskan dengan tanggagaji sekarang.

### **3. LINGKUNGAN GAJI BARU**

3.1 Selaras dengan pelarasan gaji baru, lingkungan gaji diperenggan 4, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987](#) dan perenggan 3.1, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988](#) adalah dipinda seperti di [Lampiran "A"](#). Elaun Wilayah boleh terus dibayar kepada pegawai-pegawai yang bertukar wilayah dan pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di negeri masing-masing berasaskan lingkungan gaji baru tersebut.

3.2 Lingkungan gaji Elaun Penempatan Khas yang sedang dibayar kepada pegawai-pegawai secara khas untuk penyandang sehingga tamat tempoh penempatan mereka adalah dipinda seperti di [Lampiran "B"](#).

### **4. TARIKH KUATKUASA**

4.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

### **5. PEMBATALAN**


5.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka perenggan-perenggan tertentu dalam Pekeliling Perkhidmatan berikut adalah dibatalkan:

5.1.1 perenggan 4, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987](#);  
dan

5.1.2 perenggan 3.1, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988](#).

## 6. AM

6.1 Jika terdapat apa-apa keraguan semasa melaksanakan Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua-ketua Jabatan adalah diminta supaya menghubungi Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan ini.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN),  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*  
Tarikh: 23hb Januari, 1990.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.  
s.k.:  
Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.

LAMPIRAN "A"

LINGKUNGAN GAJI BARU BAGI MAKSUD  
PEMBAYARAN ELAUN WILAYAH

(1) *Lingkungan Gaji Sekarang	(2) *Lingkungan Gaji Baru	(3) Kadar Berdasarkan % Gaji Yang Diterima
Di bawah \$360	Di bawah \$410	25%
\$ 360-\$ 549	\$ 410-\$ 599	22 ½ %
\$ 550-\$ 959	\$ 600-\$1,024	20%
\$ 960-\$1,939	\$1,025- \$2,049	17 ½ %
\$1,940- \$3,310	\$2,050- \$3,569	15%
\$3,460 dan ke atas	\$3,570 dan ke atas	12 ½ %

\* Termasuk Elaun Memangku yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa.

LAMPIRAN "B"

LINGKUNGAN GAJI BARU BAGI MAKSUD PEMBAYARAN  
ELAUN PENEMPATAN KHAS (EPK)

(1) *Lingkungan Gaji Sekarang	(2) *Lingkungan Gaji Baru	(3) Kadar EPK Bagi Pegawai Seme- nanjung Yang Ditukar Ke Sabah/Sarawak		(4) Kadar EPK Bagi Pegawai Sabah/ Sarawak Yang Ditukar Ke Semenanjung	
		Keluarga	Bujang	Keluarga	Bujang
\$	\$	\$	\$	\$	\$
Kurang dari 360	Kurang dari 410	210.00	125.00	170.00	85.00
360- 429	410-479	240.00	155.00	190.00	110.00
430- 549	480-599	270.00	185.00	215.00	130.00
550- 669	600-719	300.00	215.00	240.00	155.00
670- 799	720-849	330.00	245.00	265.00	180.00
800-1,039	850-1,104	360.00	275.00	290.00	205.00
1,040-1,119	1,105-1,184	390.00	305.00	310.00	230.00
1,120-1,239	1,185-1,304	420.00	335.00	335.00	250.00
1,240-1,359	1,305-1,424	450.00	365.00	360.00	275.00
1,360-1,504	1,425-1,589	480.00	395.00	385.00	300.00
1,505-1,939	1,590-2,049	510.00	425.00	410.00	325.00
1,940-2,594	2,050-2,704	550.00	465.00	440.00	355.00
2,595-2,919	2,705-3,029	600.00	515.00	480.00	395.00
2,920-3,189	3,030-3,299	650.00	565.00	520.00	435.00

3,190-3,459	3,300-3,569	700.00	615.00	560.00	475.00
3,460 dan ke atas	3,570 dan ke atas	750.00	665.00	600.00	515.00

---

\* Termasuk Elaun Memangku yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa.